



KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-251513/251514/251516
Faks: 088-237605
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-252692
Bil. : KEW(S) 500-4/2
Tarikh : 23 Januari 2013

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL. 1/2013
SKIM PINJAMAN MEMBELI KOMPUTER MIKRO

1. Tujuan

- 1.1. Pekeliling ini adalah dikeluarkan sebagai susulan kepada surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 1 Tahun 2009 bertujuan untuk memperuntukkan mengenai kategori komputer yang termasuk di bawah Skim Pinjaman Membeli Komputer Mikro.

2. Latar Belakang

- 2.1. Syarat-syarat dan peraturan-peraturan bagi Skim Pinjaman Membeli Komputer Mikro telah ditetapkan di dalam Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 1 Tahun 2009.
- 2.2. Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya kategori komputer yang boleh dipohon pembiayaannya di bawah Skim Pinjaman Membeli Komputer Mikro ini diperluaskan.

3. Pembiayaan Pinjaman Komputer

- 3.1. Pembelian komputer yang dibenarkan adalah pembelian komputer baru termasuk perkakasan dan perisiannya.
- 3.2. Komputer bagi maksud Skim Pinjaman Membeli Komputer Mikro adalah diperluaskan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:
 - a) komputer desktop;
 - b) komputer riba; dan
 - c) komputer tablet (Contoh: Ipad, Galaxy Tab, Window 8 Tab dan lain-lain)
- 3.3. Perkakasan bagi maksud Skim Pinjaman Membeli Komputer Mikro adalah dikelaskan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:
 - a) mesin pencetak ;
 - b) mesin pengimbas; dan
 - c) peranti gabungan pelbagai fungsi (*multifunction device*).

- 3.4. Permohonan untuk membuat pembelian lebih daripada satu unit komputer adalah dibenarkan tetapi bukan dari kategori yang sama.
- 3.5. Permohonan untuk pembelian komputer bersama lebih dari satu unit perkakasan adalah dibenarkan tetapi bukan dari kategori perkakasan yang sama.
- 3.6. Semua perolehan komputer hendaklah dilakukan di dalam Malaysia.

4. Tarikh Kuat Kuasa

- 4.1. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'



(DATUK PG. HASSANEL BIN DATUK PG. HJ. MOHD. TAHIR)
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan